

**Sumbangan Tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir* Ibn ‘Ashur dan Relasinya
dengan *Tafsir al-Mishbah* M. Quraysh Shihab**

Afrizal Nur MIS¹, Mukhlis Lubis² Lc., MA & Hamdi Ishak³

Email: ¹afrizalnur12345@yahoo.com, ²mukhlizlubiz@gmail.com & ³hamdi@ukm.edu.my

¹Ketua Jurusan Ilmu al-Qur’an dan Tafsir Fakultas Ushuluddin, UIN Sulthan Syarif Kasim Riau, ²Pensyarah UIN Sulthan Syarif Kasim, Riau & ³Ketua Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, UKM

Abstrak

Tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir* merupakan salah satu karya terbaik Ibnu ‘Ashur yang mempunyai pengaruh signifikan dalam sejarah perkembangan tafsir. Ulama yang berasal dari Tunisia ini memperkaya khazanah keilmuan Islam dalam tafsirnya melalui pembahasan kajian-kajian Islam kontemporari. Sesuai dengan namanya, *al-Tahrir wa al-Tanwir* yang bererti pembebasan dan pencerahan, Ibnu ‘Ashur, berharap dengan tafsirnya ini dapat mencerahkan pemikiran umat Islam dan mempunyai pandangan baru yang lebih positif terhadap al-Quran dan Islam, serta bebas dari belenggu kejumudan, taklid buta dan fanatisme negatif. Keistimewaan tafsir ini terlihat dari sudut-sudut pembahasannya yang komprehensif. Salah satunya adalah pembahasan tafsir dari sudut pandang bahasa Arab. Ibnu ‘Ashur mampu menyusun tafsirnya dengan menggunakan kosa kata dan sastra Arab bernilai tinggi dalam sebuah susunan yang mudah difahami oleh para mufassir masa ini. Pengaruh Tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir* amat besar dalam perkembangan tafsir kontemporari, khususnya memberikan pencerahan pemikiran kepada umat Islam untuk lebih produktif, kreatif dan inovatif.

Kata kunci: Ibnu ‘Ashur, *al-Tahrir wa al-Tanwir*, Islam kontemporari, pencerahan, fanatisme negatif.

Abstract

Tafsir of *al-Tahrir wa al-Tanwir* is one of the best works from Ibnu ‘Ashur which has significant influence in the history of tafsir. A scholar (Ulama) from Tunisia contributed Islamic knowledge, in his commentary through some themes on the discussion of contemporary Islamic studies. As the name implies, *al-Tahrir wa al-Tanwir* which means liberation and enlightenment, Ibn ‘Ashur hopes with commentary, the mindset of the Muslims will be enlightened, and have a new outlook more positive toward the Koran and Islam, and freed from the shackles of stagnation, blind imitation and negative fanaticism. The specialty of this commentary can be seen from the corners of a comprehensive solution. One is the interpretation of the discussion from the view point of the Arabic language. Ibn ‘Ashur is able to organize his commentary on the vocabulary and Arabic valuable literary in an arrangement that is easily understood by the commentators today. Tafsir of *al-Tahrir wa al-Tanwir* very much contribute to the development of contemporary interpretations, especially enlightening thoughts on Muslims to be more productive, creative and innovative.

Keywords: Ibnu ‘Ashur, *al-Tahrir wa al-Tanwir*, contemporary Islamic studies, enlightened, negative fanaticism.

1. Pengenalan

Al-Quran adalah kitab suci yang turunkan kepada Nabi Muhammad sebagai pedoman hidup manusia. Al-Quran hadir sebagai cahaya yang menerangi hati yang redup, menjadi petunjuk di saat manusia lupa dan terlena. Kitab suci mulia ini adalah sumber ilmu hakiki, memuatkan informasi rabbani yang membawa panji kejayaan.

Sebagai sumber utama ilmu hakiki, pemahaman terhadap ayat-ayat al-Quran harus bersifat ekstra hati-hati, agar misi membawa panji *glory* tidak berubah menjadi panji *gory* (lumuran darah; kesengsaraan).

Ditinjau dari kacamata pengajian ilmu al-Quran, pemahaman terhadap ayat-ayat al-Quran atau yang lebih dikenal dengan istilah Tafsir al-Quran harus diterima dari seseorang yang memiliki wibawa keilmuan dalam bidang tafsir; mufassir, kerana tafsir secara terminologi bahasa adalah nama satu disiplin ilmu yang membahas tentang penjelasan erti atau maksud firman-firman Allah dan segala yang dapat disimpulkan daripada al-Quran secara ringkas atau terperinci (Ibnu ‘Ashur 1984). Seorang mufassir perlu mempunyai kemampuan yang mencukupi, sama ada dari segi mental dan keilmuan, kuat dari sisi keimanan, bahkan yang lebih penting, bersih dari segala kepentingan, mazhab, politik, atau maksud tertentu. Di antara deretan nama besar para mufassir yang mashur adalah Muhammad Thahir Ibnu ‘Ashur (M.1393H). Beliau adalah seorang ulama yang berkaliber di dunia yang terkenal dengan keluasan ilmu dan wawasannya.

Sebagai pemikir kontemporari yang memiliki kemampuan dan keupayaan berijtihad. Kemampuannya dalam berijtihad mencapai titik puncak sebagai seseorang yang memiliki kemampuan melakukan *istinbath al-ahkam* (memutuskan suatu hukum). Di antara karya-karya termasyhur Ibnu ‘Ashur adalah kitab *al-Tahrir wa al-Tanwir* iaitu kitab yang terkenal dengan tafsir yang komprehensif yang yang memuat banyak terobosan serta pemikiral-pemikiran baru yang cemerlang. Tafsir Ibnu ‘Ashur banyak mengandungi idea-idea yang mencerahkan yang diperlukan oleh umat Islam dewasa ini. Pembahasan tafsir yang dalam tafsir ini merupakan pembahasan terbaru dalam pelbagai disiplin ilmu seperti; bahasa, qiraat, fiqh, akidah, akhlak, bahkan astronomi, sains dan lain-lain lagi. Beliau berkata:

“Saya telah diberi anugerah oleh Allah SWT untuk dapat memahami kandungan makna al-Quran dengan baik. Oleh kerana itu, pembahasan tafsir ini juga mencakupi pelbagai permasalahan ilmiah yang tidak pernah disentuh oleh para mufassir terdahulu (Ibn ‘Ashur 1984)”.

Oleh itu, wajar sekali untuk menghasilkan satu Artikel yang menampilkan sudut pandang lainnya dari sosok Ibnu ‘Ashur, dalam hal ini adalah melalui karya terbaiknya, iaitu kitab tafsir; *al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tulisan ini juga berusaha menggali nilai-nilai tinggi yang terkandung di dalam kitab tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir*, sehingga tulisan ini diharapkan dapat memberikan informasi yang dapat mengundang perhatian akademisi untuk menelusuri lebih lanjut, apa-apa sajakah sumbangan dan hubungan kaitnya kitab tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir* terhadap perkembangan pada kitab tafsir yang lain, khususnya di Indonesia dalam hal ini adalah kitab *Tafsir al-Mishbah* karya M. Quraysh Shihab. Pembahasan ini akan sangat sesuai bagi membolehkan kita melihat aspek positif yang timbul daripada perbezaan pentafsiran tersebut dalam melahirkan masyarakat yang moderat, toleran dan cerdas.

2. Latar Belakang Intelektual Penulis

Dikenali oleh masyarakat dunia sebagai Ibnu ‘Ashur, nama lengkap beliau adalah Tahir bin Muhammad bin Muhammad al-Shazili bin Abdul Qadir bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ashur. Ibunya bernama Fatimah bin Muhammad al-Aziz bin Muhammad al-Habib bin Muhammad al-Tayyib bin Muhammad bin Muhammad bin Muhammad Bu Utur seorang putri Menteri Tunisia ketika itu.

Ibnu ‘Ashur dilahirkan pada tahun 1296H/1879 dirumah datuk dari sebelah ibunya; Syeikh Muhammad al-‘Aziz Bu ‘Utur, di kota La Marsa; sebuah daerah disebelah utara pinggir kota Tunis (sekitar 20 km dari kota Tunis). Sekilas dari garis keturunan yang beliau miliki, ternyata keluarga ‘Ashur adalah keluarga pencinta Rasulullah SAW, hal ini terlihat jelas dari nama-nama yang tercatat di garis keturunan beliau, baik dari pihak ayah atau ibunya, majoritinya menggunakan kata Muhammad sebagai nama kebanggaan. Selain

memiliki nama yang baik, ternyata keluarga 'Ashur adalah keluarga intelek. Mereka hidup dipersekitaran yang penuh dengan suasana keilmuan.

Pendidikan yang pertama kali Ibnu 'Ashur dapatkan adalah dari ayahnya; Muhammad (M. 1920), yang juga seorang ulama besar ketika itu. Ibnu 'Ashur juga banyak belajar kepada datuk daripada sebelah ibunya, iaitu Syeikh Muhammad al-'Aziz Bu 'Utur (M. 1907). Pendidikan dari kedua ulama besar ini banyak mempengaruhi jiwa dan peribadi Ibnu 'Ashur semasa kecil. Pada usia enam tahun Ibnu 'Ashur mulai mendalami ilmu al-Quran. Beliau belajar ilmu qiraah dibawah bimbingan Syeikh Muhammad al-Khiyari di Masjid Abu Hadid di samping rumah datuknya di Basya, Tunis.

Pada tahun 1310 H/1893, ketika usianya empat belas tahun, Ibnu 'Ashur mulai belajar kepada para ulama besar Masjid Jami' Zaitunah. Beliau sentiasa mendapat keputusan cemerlang dalam setiap mata pelajaran yang beliau ikuti, mulai dari ilmu-ilmu yang berkaitan langsung dengan bahasa Arab, fiqh, usul fiqh, tafsir, hadis, dan lainnya. Perjalanan pengajiannya tidak lama, hanya dalam masa tiga tahun (1893-1896) beliau sudah dilantik guru besar di Masjid Agung Zaitunah. Ibnu 'Ashur menyelesaikan program studinya di Masjid Agung Zaitunah pada tahun 1317 H/ 1899 (al-Ghali 1996).

3. Pencapaian Gemilang Ibnu 'Ashur

Secara bertahap, Ibnu 'Ashur merintis riwayat pendidikannya dari tahap terendah hingga ke tahap tertinggi atau pakar. Hal ini membuktikan bahawa kualiti keilmuan beliau telah melalui banyak proses dan ujian. Semasa hidupnya banyak kejayaan dan pencapaian cemerlang yang telah dicapai oleh Ibnu 'Ashur, baik di bidang keagamaan atau pemerintahan. Di antara pencapaian-pencapaian gemilang yang berhasil beliau persembahkan adalah seperti berikut:

- 1) Ibnu 'Ashur berhasil menyelesaikan pentafsiran al-Quran secara lengkap dengan menggunakan metode analisis yang berkualiti dan diakui oleh ramai ulama. Tafsir tersebut diberi nama *al-Tahrir wa al-Tanwir*, sebuah nama yang menjadi cita-cita penulisnya, di mana pemikiran Ibnu 'Ashur yang mengandungi idea-idea besar tercatat lengkap di dalam tafsir tersebut. Pemikiran yang mencerahkan akal, dan membebaskannya dari belenggu kejumudan dan keterbelakangan;
- 2) Beliau adalah orang pertama yang diberi amanah menerajui dua jabatan sekaligus, pertama, jabatan sebagai Shaykh al-Islam, kedua, jabatan sebagai Imam Besar Masjid Agung Zaitunah pada tahun 1932. Posisi dan gelar terhormat ini beliau manfaatkan untuk mereformasi sistem pendidikan di sekolah-sekolah yang berada dalam naungan Masjid Agung Zaitunah ketika itu. Namun, pada September 1933 beliau mengundurkan diri dari jabatan Imam Besar Masjid Agung Zaitunah disebabkan fitnah dan tuduhan pembesar-pembesar politik dari parti *al-Harakah al-Qaumiyah*; Partai Nasionalis yang beraliran sekuler liberal. Tetapi kebenaran selalu berpihak kepada orang-orang yang benar. Pada tahun 1945, Sheikh Ibnu 'Ashur kembali dilantik sebagai Imam Besar Masjid Zaitunah.
- 3) Beliau mendapat anugerah penghormatan dari negara Tunisia pada tahun 1968. Penghormatan tersebut adalah anugerah tertinggi yang diberikan negara kerana karya-karyanya yang berkualiti, mempunyai motivasi dan pesanal-pesanan reformasi yang diakui ulama sedunia;
- 4) Beliau merupakan ulama kontemporari yang berjaya menyusun kitab *Maqasid Syariah* dengan penalaran dan analisis yang sangat tajam selepas 'Izzuddin bin Abdussalam dan Syathibi;
- 5) Beliau memasukkan idea-idea pencerahan dalam dunia pendidikan di Masjid Agung Zaitunah, mereformasi pendidikan dengan memasukkan banyak pelajaran umum ke dalam kurikulum pelajaran Masjid Agung Zaitunah, seperti kimia, fizik, matematik, dan lain-lain;

- 6) Beliau juga pernah menjabat sebagai Anggota Panitia Reformasi Pendidikan Tahap II tahun 1910, dan kemudian berlanjut pada Revisi Program Pendidikan Tahap III tahun 1924 dan Tahap IV tahun 1933;
- 7) Anggota Majlis Tinggi Wakaf tahun 1911;
- 8) Hakim Mahkamah 'Aqqariah yang memutus perkara yang berkaitan dengan hukum properti dan hak milik tahun 1911;
- 9) Perumus Undang-Undang Syariat berdasarkan mazhab Maliki tahun 1913-1923;
- 10) Mufti Mazhab Maliki tahun 1924;
- 11) Ketua Majlis Syura tahun 1927;
- 12) Selepas kemerdekaan Tunisia, Ibnu 'Ashur dilantik sebagai Dekan Universiti Zaitunah tahun 1956-1960, yang kemudian dianjurkan untuk beristirehat kerana sikapnya yang menolak mentah-mentah perintah mengeluarkan fatwa kempen menentang kewajiban puasa di bulan Ramadhan, atas permintaan dan pesanan fatwa dari Presiden Tunisia ketika itu Habib Bourghiba;
- 13) Diperingkat international, Ibnu 'Ashur terpilih menjadi anggota dari dua akademi bahasa sekaligus, iaitu *Akademi Bahasa Arab* yang berpusat di Kaherah, Mesir, tahun 1950 dan *Akademi Bahasa Arab* di Damsyik, Syria, tahun 1955;
- 14) Beliau juga turut aktif mengambil bahagian dalam penyusunan Ensiklopedia Fiqh yang diselenggarakan Kementerian Agama Islam Kuwait.

Sebagai ulama yang produktif, Ibnu 'Ashur memiliki banyak karya ilmiah, di antaranya adalah:

- 1) Kitab tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir* ;
- 2) *Maqashid al-Shari'ah al-Islamiyyah*;
- 3) *al-Nazhru al-Fasih 'Inda Madhayiq al-Anzhar fi al-Jami' al-Shahih*
- 4) *Ushul al-Nizham al-Ijtima'ifi al-Islam*;
- 5) *Alaisa al-Subhu bi Qarib*;
- 6) *Naqdun 'ilmiyyun li Kitab al-Islamwa Ushul al-Hukmi*

Dengan tidak bermaksud menempatkan Ibnu 'Ashur sebagai ulama yang suci, melihat dari kemampuan beliau sebagai seorang ulama kontemporari, tidak diragukan lagi keahliannya dalam mentafsirkan al-Quran (al-Husaini 1351H).

4. Tafsir Ibnu 'Ashur; *Al-Tahrir wa al-Tanwir*

Latar Belakang Penyusunan

Ibnu 'Ashur memang bukan satu-satunya pakar al-Quran dan tafsir di dunia ini, tetapi kemampuannya mentafsirkan dan menyampaikan pesal-pesan al-Quran dalam konteks masa kini membuatnya lebih dikenal dan memiliki tempat tersendiri di hati para pakar dan pecinta al-Quran. Ulama kontemporari asal Tunisia ini menulis sebuah kitab tafsir lengkap yang diakui berkualiti dan mutunya sampai saat ini. Kitab tafsir tersebut diberi nama *Tarir al-Ma'na as-Sadid wa Tanwir al-'Aqli al-Jadid min Tafsir al-Kitab al-Majid*, dan selanjutnya lebih dikenal dengan nama tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir*.

Tafsir tersebut merupakan salah satu karya besar Ibnu 'Ashur dan merupakan karya tafsir kontemporari yang memiliki pengaruh signifikan dalam dunia pentafsiran. Kitab tafsir ini dimulai dengan pengantar yang ditulis sendiri oleh Ibnu 'Ashur. Pengantar tersebut menceritakan faktor-faktor yang

memotivasi beliau untuk terus menulis dan menyelesaikan kitab tafsirnya.

Dalam pendahulunya, Ibnu 'Ashur menjelaskan bahawa menafsirkan kitab suci Al-Quran, adalah cita-cita tertinggi beliau. Cita-cita tersebut beliau wujudkan dengan menyusun sebuah kitab tafsir. Sebuah tafsir yang mencakup nilai-nilai al-Quran menuju kemaslahatan dunia dan akhirat. Pembahasan tafsir beliau bukan hanya sekadar kutipan atau penjelasan singkat dari pendapat para ulama terdahulu dan sarat pengulangan yang membosankan. Menurut beliau, tradisi ilmiah seperti itu tidak baik untuk dilestarikan, seolah-olah sang penulis tidak memiliki apa-apa sumbangan kecuali hanya mengutip pendapat ulama lain. Yang membezakannya hanya pada bahagian penjelasan yang diambil, ada yang memaparkannya secara singkat, ada pula yang panjang lebar. Padahal inti dan tujuannya sama saja.

Pada bahagian selanjutnya dari mukadimah tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir*, Ibnu 'Ashur menjelaskan kajian umum tentang dasar-dasar penafsiran dan bagaimana seorang mufassir berinteraksi dengan kosa kata, makna, dan lafaz dari al-Quran. Kemudian beliau berbicara tentang tafsir, takwil dan kedudukan tafsir sebagai satu bidang ilmu. Demikian juga tentang rujukan-rujukan yang harus digunakan dalam ilmu tafsir, keabsahan tafsir *bi al-ma'thur* dan tafsir *bi al-ra'yi*.

Penjelasan tentang sebab turunnya suatu ayat (*asbabun nuzul*), jenis-jenis qiraah, kisah-kisah dalam al-Quran, jumlah ayat, surah, susunan dan nama-nama al-Quran, bahkan penjelasan mengenai i'jaz al-Quran juga menjadi kajian beliau. Ibnu 'Ashur menafsirkan al-Quran berdasarkan *tertib mushafi*; penafsiran yang dimulai dari surah al-Fatihah, kemudin sural-surah setelahnya dan diakhiri dengan surah al-Nas (Ibnu 'Ashur 1984). Karya beliau dapat menyelesaikan secara tersusun dan juga membanyakkan lagi khazanah ilmu pengetahuan Islam. Hampir seluruh penafsiran dan informasi ilmiah yang beliau sampaikan merupakan hasil ijtihad beliau sendiri yang lebih mendetail dan menyeluruh.

Metode Tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir*

Dalam hal pentafsiran, Ibnu 'Ashur menggunakan pelbagai, di antaranya adalah metode *tahlili* (analisis), *naqdi* (kritis), *istidlali* (argumentatif), *maudhu'i* (tematik) dan *maqashidi* (objektif). Menurutnya, dengan kombinasi metode-metode ini dapat diungkapkan *jawabal-jawaban* al-Quran tentang pelbagai masalah kehidupan, sekaligus dapat dijadikan bukti bahawa ayat al-Quran selari dengan perkembangan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi serta kemajuan peradaban manusia.

Secara khusus, Ibnu 'Ashur pada kebiasaannya ketika mentafsirkan al-Quran beliau akan menjelaskan terlebih dahulu tentang surah yang hendak ditafsirkan; mulai dari makna surah, tempat turun surah, jumlah ayat dalam surah, sebab turun ayat atau surah, keutamaan surah, hinggalah kandungan surah secara umum. Kemudian beliau menggabungkan beberapa ayat yang temanya sama, lalu mentafsirkannya dengan menggunakan analisis korelasi antara ayat atau surah, analisis kebahasaan, riwayat-riwayat yang bersangkutan, dan pendapat-pendapat ulama terdahulu. Setelah merangkumkan semuanya, beliau kemudian mengambil langkah ijtihad dengan menggunakan metode *istidlali*, *naqdi* dan *maqashidi* (al-Zahrani 1427).

Metode dan Corak Tafsirnya

Dalam menentukan corak tafsir dari suatu kitab tafsir, perkara yang diperhatikan adalah aspek dominan dalam tafsir tersebut. Dalam tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir*, Ibnu Asyur juga menggunakan banyak metode dan corak pentafsiran, seperti *tafsir bi al-ma'thur*, *tafsir bi al-ra'yi* (metode tafsir), *tafsir fiqhi*, *tafsir falsafi*, *tafsir 'ilmi*, dan *tafsir adab ijtima'i*.

Namun tidak ada salahnya bila ada yang beranggapan bahawa corak penafsiran Ibnu 'Ashur didominasi oleh corak *tafsir adab ijtima'i*, kerana beliau dalam pentafsirannya memberi penumpuan terhadap

pengungkapan balaghah dan kemukjizatan al-Quran, menjelaskan makna dan kandungan sesuai hukum alam, memperbaiki system hidup kemasyarakatan umat, dan lainnya.

Akan tetapi, berdasarkan hasil pengamatan penulis, tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir* justeru didominasi *tafsir bi al-ra'yi* dengan pendekatan penafsiran *lughawi* atau *adabi*, ertinya, Ibnu 'Ashur dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran lebih cenderung bermula dari aspek tatabahasa dan sastera terlebih dahulu. Beliau selalu memulai pentafsirannya dengan menggunakan corak *bi al-ra'yi* untuk melakukan analisis bahasa sebelum mengungkap hal-hal lain sebagaimana yang dimaksud dalam corak *tafsir adab ijtima'i* di atas (Ibn Asyur 1984).

5. Sumbangan Tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir* Terhadap Perkembangan Kajian Tafsir Al-Quran Kontemporari

Nama besar Ibnu 'Ashur banyak dijadikan rujukan oleh para mufassir kontemporari. Khususnya di Indonesia, penafsiran Ibnu 'Ashur diangkat sebagai salah satu rujukan utama dalam pembahasan masalah terkini. M. Quraysh Shihab, Ilmuan dan Mufassir ternama banyak merujuk Ibnu 'Ashur, dan didapati terdapat 879 kali beliau merujuk kepada Ibnu 'Ashur. Namun pengutipan tersebut tak jarang menuai kontroversial dan kritikan. Meskipun diakui hal ini menunjukkan bahawa antara Quraysh Shihab dan Ibnu 'Ashur memiliki hubungan dalam bidang keilmuan.

Jadual 1 :

Kitab Tafsir yang paling sering di rujuk M. Quraysh Shihab

No	Nama Tafsir	Pengarang	Jumlah Pengutipan
1	<i>Nazm al-Durar fi Tanasub al-Ayat wa al-Suwar</i>	al-Biq'a'i (w.885H/1480)	872 kutipan
2	<i>al-Mizan</i>	al-Alamah Thaba'thaba'i. (M.1981)	861 kutipan
3	<i>al-Tahrir wa al-Tanwir</i>	M, Thahir ibn 'Asyur (1879-1973)	879 kutipan
4	<i>Fi Zilal al-Qur'an</i>	Sayyid Quth (1906-1966)	434 Kutipan

Sumber : Disertasi Afrizal Nur

Ibnu 'Ashur sebagaimana dikutip oleh Salah Abdul Fattah al-Khalidi (2002) menyatakan:

“Kitab-kitab tafsir telah banyak muncul, namun sesungguhnya kamu tidak akan temukan dari kebanyakan kitab tafsir yang muncul itu kecuali hanya dibuat sebagai pendukung terhadap ungkapan mufassir sebelumnya, tidak ada bahagian untuk melakukan pembaharuan kecuali hanya terbatas kepada penggabungan dan penukilan pendapat mereka saja”.

Pernyataan Ibnu 'Ashur tersebut bersesuaian dengan pemikirannya didalam kitab tafsirnya, banyak wacana, pemikiran, dan penafsiran inovatif dan dikutip banyak ulama, salah satunya adalah M. Quraysh Shihab. Sebagai contoh dari cetusan-cetusan idea Ibnu 'Ashur tersebut adalah “Kedurhakaan tidak mencakup semua kaum Yahudi, Selain daging nya, babi halal, Persoalan jilbab adalah “persoalan budaya”, Seorang anak boleh saja membelikan khamar buat Ibu dan bapaknya yang kafir”.

Artikel ini, penulis memfokuskan dan menganalisa mengenai isu-isu kontroversi Quraysh tentang jilbab, yang beliau (Quraysh Shihab) kutip dari pemikiran Ibnu 'Ashur sewaktu menafsirkan ayat 31 surah al-

Nur, berikut ini :

Maksudnya:

Katakanlah kepada wanita yang beriman: “Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya....

M. Quraysh Shihab mengutip Ibnu ‘Ashur (*Maqasid al-Shari’ah*):

“Kami percaya bahawa adat kebiasaan satu kaum tidak boleh dalam kedudukannya sebagai adat untuk dipaksakan terhadap kaum lain atas nama agama, bahkan tidak dapat dipaksakan pula terhadap kaum itu”. Ulama ini kemudian memberikan beberapa contoh dari al-Qur’an dan Sunnah Nabi saw, contoh yang diambil dari al-Qur’an adalah surah al-Ahzab (33) ayat 59, yang memerintahkan kaum mukminah untuk mengulurkan jilbabnya, disini Thahir Ibnu ‘Ashur tersebut berkomentar : “Ini adalah ajaran yang mempertimbangkan adat orang-orang Arab sehingga bangsa-bangsa lain yang tidak menggunakan jilbab, tidak memperoleh bahagian (tidak berlaku bagi mereka ketentuan ini)”. Ketika menafsirkan ayat al-Ahzab yang berbicara tentang jilbab, ulama ini menulis bahawa : “cara memakai jilbab berbeda-beda sesuai dengan perbezaan keadaan wanita dan adat mereka”, tetapi tujuan perintah itu adalah sebagaimana bunyi ayat tersebut iaitu : “agar mereka dapat dikenal (sebagai mukminah yang baik) sehingga mereka tidak diganggu”.

Menurutnya, perintah memakai jilbab dalam surah al-Ahzab ayat 59 bagi wanita muslimah bukanlah perintah yang bersifat mutlak atau umum, sehingga tidak dapat dipaksakan kepada setiap wanita muslimah lintas generasi, tempat, dan waktu (M. Quraysh Shihab 2009).

Jika kita melihat kepada sumber aslinya yang beliau kutip dari *al-Tahrir wa al-Tanwir* Ibnu ‘Ashur bahawa cara memakai jilbab berbeza-beza sesuai dengan perbezaan keadaan wanita dan adat mereka (Ibnu Asyur 1984). Kemudian (Quraysh Shihab) mengaitkan penafsiran tersebut dengan penjelasan Ibnu ‘Ashur dalam kitab *Maqasid al-Shari’ah*, bahawa kami percaya bahawa adat kebiasaan satu kaum tidak boleh dalam kedudukannya sebagai adat untuk dipaksakan terhadap kaum lain atas nama agama, bahkan tidak dapat dipaksakan pula terhadap kaum itu (Ibnu Asyur 2004).

Namun yang menjadi pertanyaan adalah kenapa Allah SWT memerintahkan suatu kewajiban (jilbab) hanya khusus kepada kaum wanita dari bangsa tertentu (Arab)? Padahal maksud dan tujuan al-Quran diturunkan adalah sebagai petunjuk hidup dan pedoman manusia secara universal. Memang benar, Ibnu ‘Ashur menjelaskan bahawa cara memakai jilbab bagi wanita berbeza-beza bergantung bagaimana adat dan kebiasaan memakai jilbab yang berlaku di daerah mereka masing-masing. Namun yang perlu diteliti adalah penjelasan tersebut berbicara tentang tata cara memakai jilbab, bukan persoalan kewajiban memakai jilbab (aurat wanita) yang sudah jelas hukumnya.

Oleh kerana pada pembahasan sebelumnya, Ibnu ‘Ashur sudah menghurai perbezaan pendapat para ahli fiqh yang sangat sukar untuk diselesaikan berkaitan batasan aurat wanita, dan akhirnya beliau menegaskan bahawa wanita muslimah dilarang menganggap remeh permasalahan tata cara memakai tudung. Tudung harus dipakai sesuai dengan tujuan syariat dalam hal menjaga kehormatan wanita muslimah itu sendiri. Jika diperhatikan bahawa anjuran memakai tudung suatu yang tidak boleh diremeh, maka semestinya perintah memakai jilbab juga harus menjadi fokus utama, kerana aurat yang ditutupi jilbab lebih luas daripada aurat

yang ditutupi tudung itu sendiri. (Ibnu 'Ashur, 1984). Pandangan ini sangat berbeza dengan pemahaman Quraysh Shihab, padahal beliau mengutipnya dari Ibnu 'Ashur iaitu *Tafsir al-Mishbah* jilid/volume 8 h.534 :

“Akhirnya, kita boleh berkata bahawa yang menutup seluruh badannya kecuali wajah dan (telapak) tangannya menjalankan bunyi teks ayat itu, bahkan mungkin berlebih. Namun dalam saat yang sama, kita tidak wajar menyatakan terhadap mereka yang tidak memakai tudung, atau yang menampakkan sebahagian tangannya, bahawa mereka “secara pasti telah melanggar petunjuk agama”, bukankah al-Quran tidak menyebut batas aurat? Para ulama pun ketika membahasnya berbeza pendapat,” demikian pernyataan Quraysh (M. Quraysh 2002). Quraysh juga menyatakan: “Bahawa ketelitian sangat diperlukan, kerana pakaian lahir dapat menyiksa pemakainya sendiri apabila ia tidak sesuai dengan bentuk badan sipemakai. Demikian pula pakaian batin. Apabila tidak sesuai dengan jati diri manusia sebagai hamba Allah tentu saja Allah paling mengetahui ukuran dan contoh terbaik bagi manusia” (Afrizal Nur 2012).

Menurut pandangan beliau kebanyakan ulama masa lampau bahkan sampai sekarang cenderung berpendapat bahawa aurat wanita mencakupi seluruh tubuh kecuali muka dan telapak tangannya, tetapi semestinya diakui juga, bahawa ada pendapat lainnya yang lebih longgar disamping realiti yang menunjukkan bahawa banyak dari kalangan keluarga yang anak-anak perempuannya dan isteri-isterinya tidak sempurna memakai jilbab bahkan tidak memakai jilbab sama sekali.

Untuk menguatkan pendapatnya, Quraysh Shihab menyatakan di Indonesia terdapat sebahagian dari Muslimat Nahdhatul ulama atau 'Aisyiah Muhammadiyah belasan tahun yang lalu tidak memakai jilbab. Tentunya para ulama dari dua organisasi Islam terbesar di Indonesia memiliki alasan dan pertimbangan, sehingga amalan yang mereka lakukan tidak mendapat teguran dari para ulama boleh jadi dapat di nilai sebagai kebenaran atas pendapat yang menyatakan: “ yang terpenting dari pakaian wanita adalah menampilkan mereka dalam bentuk terhormat, sehingga tidak mengundang gangguan dari orang-orang asing (M. Quraysh Shihab 2002).

Pembatasan dalam Mentafsirkan al-Qur'an

Bila menelusuri penafsiran Ibnu 'Ashur terkait firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 7 :

Maksudnya:

Dialah yang menurunkan al-kitab (al-Quran) kepada kamu. Di antara (isi) nya ada ayal-ayat yang muhkamat, itulah pokok-pokok isi al-Quran dan yang lain (ayal-ayat) *mutashabihat*. Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti sebagian ayat-ayat yang *mutashabihat* daripadanya untuk menimbulkan fitnah untuk mencari-cari takwilnya. Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah SWT dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: "Kami beriman kepada ayal-ayat yang *mutashabihat*, semuanya itu dari sisi Tuhan kami. Dan tidak dapat mengambil pelajaran (daripadanya) melainkan orang-orang yang berakal.

Penjelasan beliau terkait batas-batas yang harus difahami setiap mufassir sebelum mentafsirkan al-Quran. Menurut beliau, berdasarkan firman Allah SWT di atas tafsir dapat diklasifikasikan menjadi empat bahagian: pertama, tafsir yang dapat difahami oleh masyarakat Arab secara umum berdasarkan pengetahuan bahasa yang mereka miliki; kedua, tafsir yang setiap orang dengan kemampuan standard pasti mengetahuinya; ketiga, tafsir yang tidak diketahui kecuali oleh para ulama saja; dan keempat, tafsir yang tidak diketahui kecuali

oleh Allah SWT (Ibn Ashur 1984).

Klasifikasi kemampuan seseorang dalam memahami al-Qur'an yang disebutkan oleh Ibnu 'Ashur di atas adalah diambil daripada sumbangan yang sangat berharga dari Ibnu Abbas r.a tentang strata pemahaman tafsir sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabari berikut ini :

1. Tafsir yang difahami oleh orang Arab dengan selok belok bahasanya
2. Tafsir yang diketahui oleh masyarakat secara umum
3. Tafsir yang diketahui oleh ulama
4. Tafsir yang hanya diketahui oleh Allah SWT saja. (Afrizal Nur 2012)

Batasan yang paling menonjol untuk dicermati dari klasifikasi tafsir di atas ada dua. Pertama, batasan yang berkaitan kandungan ayat. Kedua, batasan yang berkaitan syaral-syarat pentafsir. Dari sudut kandungan didapati terdapat ayal-ayat al-Quran yang tak dapat difahami maksud dan tujuannya kecuali oleh Allah SWT. Hal ini disebabkan beberapa faktor yang melatarbelakanginya, seperti:

- 1) Ditemukannya ayal-ayat *muqattha'ah* yang memang tidak mungkin dijangkau pengertiannya oleh seseorang secara pasti, seperti *ya sin, alif lam mim*, dan sebagainya. Faktor ini didasarkan pada firman Allah SWT di atas yang membahagi ayal-ayat al-Quran kepada *muhkam* (jelas) dan *mutashabih* (samar). Sikap dan nasihat para ulama terhadap ayal-ayat *muqattha'ah* dan *mutashabihat* ini adalah bahawa seorang muslim cukup mengimani ayal-ayat tersebut tanpa harus memaksakan diri untuk mencari maksud dan tujuannya, kerana memang tidak ada yang mengetahuinya kecuali Allah SWT saja;
- 2) Ditemukannya ayal-ayat yang erti atau terjemahannya dapat diketahui secara umum sesuai dengan gaya dan cara penyusunan ayatnya, tetapi tidak dapat didalami maksud hakikatnya, seperti hal-hal yang berkaitan dengan ilmu metafizik, rincial-rincian ibadah, dan lain-lain, yang tidak dapat dikesan oleh radar pemikiran akal manusia.

Adapun batasan yang berkaitan dengan syaral-syarat pentafsir secara khusus, sudah dijelaskan sebelum ini. Namun yang perlu diperhatikan juga bahawa di antara syaral-syarat yang disebutkan Ibnu 'Ashur dalam mukadimah tafsirnya, ada beberapa syarat yang menurut hemat penulis perlu ditekankan kerana syaral-syarat ini bersifat fundamental bagi setiap mufassir, dan merupakan rahsia keistimewaan tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir*. Syaral-syarat tersebut adalah:

- 1) Pengetahuan yang baik tentang prinsip-prinsip asas keagamaan;
- 2) Pengetahuan yang baik tentang bahasa Arab;
- 3) Pengetahuan yang baik tentang ilmu *maqasid syariah*.

Realiti sosial yang sentiasa berubah dan berkembang

Banyak kalangan menyebut bahawa di samping sebagai kitab yang khusus membahas kajian tafsir ayal-ayat al-Quran, kitab tersebut juga menjadi kamus unik yang sangat berkualiti. Bagaimana tidak, di setiap karya-karya Ibnu 'Ashur, khususnya kitab *al-Tahrir wa al-Tanwir*, ditemukan banyak kosa kata Arab yang sukar difahami dan dicari ertinya di dalam kitab lain, walaupun di dalam kamus bahasa Arab sendiri. Namun Ibnu 'Ashur telah berjaya menjelaskan kosa kata Arab itu dengan baik, bahkan dirangkai dalam sebuah kalimah, sehingga orang yang membaca mudah memahami kosa-kata tersebut dengan baik.

Dapat dibayangkan betapa sukarnya merangkai kosa kata bahasa Arab yang oleh kebanyakan orang Arab sendiri sukar untuk memahami dan merangkainya dalam sebuah susunan kalimah yang baik dan benar.

Semua orang yang memahami ilmu bahasa Arab pasti akan tercengang dan terkagum-kagum dengan kemahiran Ibnu 'Ashur dalam bidang bahasa Arab ini, sehingga wajar saja bila ada yang menjadikan tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir* ini sebagai kamus bahasa Arab khusus.

Penekanan Ibnu 'Ashur dari aspek bahasa dalam kitab tafsirnya kerana al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan dalam bahasa Arab. Oleh itu, mempelajari bahasa Arab untuk memahami al-Quran adalah suatu syarat mutlak, agar tidak terjerumus ke dalam jurang pemahaman yang sesat lagi menyesatkan. Allah SWT berfirman dalam surah al-Syu'ara ayat 192-195:

Maksudnya:

Dan sesungguhnya al-Quran ini benal-benar diturunkan oleh Tuhan semesta alam. Dia dibawa turun oleh al-Ruh al-Amin (Jibril). Ke dalam hatimu (Muhammad) agar kamu menjadi salah seorang di antara orang-orang yang memberi peringatan. Dengan bahasa Arab yang jelas.

Dalam tafsirnya, Ibnu 'Ashur menjelaskan bahawa Al-Quran adalah tanda keagungan Allah SWT, diturunkan dalam bahasa Arab yang fasih, kalimahnyanya ringkas, padat, dan tepat sasaran. Menurut akidah yang diyakini umat Islam, terpilihnya bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran sudah merupakan kehendak Allah SWT (Ibnu Asyur 1984).

Bahasa hanyalah suatu sarana yang diperlukan oleh manusia untuk saling memahami satu sama lain. Ertinya, yang memerlukan bahasa dalam konteks ini adalah manusia, bukan Allah SWT, sebab bahasa adalah makhlukNya, dan Dia tidak bergantung kepada makhluk ciptaanNya. Dan perlu diingati, baik dengan bahasa ataupun tanpa bahasa, kehendak Allah SWT pasti berlaku.

Allah SWT telah menghendaki turunnya Al-Quran dalam bahasa Arab untuk menyampaikan perintahNya kepada umat manusia agar ditaati dan dijunjung tinggi. Tidak ada intervensi bahasa manusia terhadap al-Quran, semua kata dan kalimatnya, huruf dan maknanya, semuanya dari Allah SWT. Bahkan sudah menjadi sebuah keyakinan mutlak dalam akidah umat Islam untuk meyakini bahawa kitab suci al-Quran sudah menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran sejak ia diwahyukan kepada Rasulullah SAW. Ini bererti Rasulullah SAW hanya menerima wahyu apa adanya, bukan menterjemahkan wahyu ke dalam bahasa Arab sebagaimana yang sudah disebutkan dalam ayat 195 surah al-Shu'ara di atas.

Semua bahasa adalah makhluk ciptaan Allah SWT, dan Dia berhak menentukan bahasa apa yang digunakannya sebagai bahasa pengantar firmanNya. Semuanya hanya untuk kemaslahatan manusia, agar dapat memahami maksud dan tujuan Allah SWT di dalam kitab suci yang diwahyukanNya.

Selain itu, juga harus difahami bahawa al-Quran bukan produk bahasa yang tunduk kepada kaedah dan peraturan tatabahasa bahasa Arab, kerana al-Quran telah mengubah kaedah dan karakteristik sejumlah kata dalam bahasa Arab, seperti kata karomah yang dalam pemahaman masyarakat Arab Jahiliah maknanya selalu dikaitkan dengan banyak isteri, anak, harta, dan kedudukan yang tinggi, namun al-Quran mengubahnya secara mendasar dan hanya mengaitkan maknanya dengan takwa kepada Allah SWT sesuai firmanNya dalam surah al-Hujurat ayat 13:

Maksudnya:

Hai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.

Jika al-Quran merupakan produk bahasa yang tunduk kepada kaedah dan karakteristik bahasa Arab di zaman diturunkan, maka tentunya al-Quran tidak membuat makna baru yang saat itu tidak diakui bahkan tidak dikenal masyarakat Arab Jahiliah. Jadi jelas, dari dulu sampai sekarang al-Quran tidak pernah tunduk kepada kaedah dan karakteristik bahasa Arab, bahkan sudah menjadi kesepakatan dalam kalangan para ulama bahawa al-Quran merupakan sumber rujukan bagi bahasa Arab itu sendiri, kerana bahasa al-Quran merupakan bahasa yang paling fasih, dan sempurna kaedah dan karakteristiknya.

Sang Pencerah Dunia Islam

Sebagai seorang ulama besar yang berwawasan luas, Ibnu 'Ashur berusaha memberikan idea-idea pencerahan untuk kemajuan umat Islam. Pemikiran besar tersebut beliau curahkan dalam semua karya tulisnya, dicatat oleh sejarah sebagai salah seorang tokoh pembaharuan umat Islam abad ke-20. Selain karya tulis, beliau juga banyak bergerak dalam kegiatan sosial masyarakat, bahkan sampai ke peringkat nasional dan international. Hal ini membuktikan bahawa dalam mendakwahkan ajaran Islam itu tidak dapat dilakukan sendirian, tetapi harus berjamaah, bersama-sama dengan orang lain.

Sebagaimana dijelaskan di awal kertas ini, Ibnu 'Ashur telah banyak memberikan sumbangan berharga kepada umat Islam, khususnya para calon ahli tafsir al-Quran, bahawa dalam melakukan berbagai kegiatan penafsiran harus bermula dari sudut pandang yang berbeza, asli, dan kritis. Hal ini dimaksudkan agar pentafsiran sesuai dan sejalan dengan maksud dan tujuan al-Quran itu sendiri; sebagai kitab suci yang berisi petunjuk umat manusia lintas zaman.

Sudut pandang yang berbeza dapat memberikan warna yang berbeza pula pada output tafsir yang dihasilkan, sehingga akan memperkaya khazanah keilmuan al-Quran. Perbezaan pentafsiran atau pendapat akibat perbezaan metode dan sudut pandang tersebut harus dapat ditoleransi dan ditampung, selama penafsiran dan pendapat tersebut dikemukakan dalam batas-batas yang boleh dipertanggung jawabkan, dan bersifat argumentatif. Bahkan agama menilai bahawa orang yang mengemukakannya pada saat itu memperoleh pahala dari Allah SWT, walaupun seandainya ia di kemudian hari terbukti keliru (kekeliruan disini tentunya yang tidak melanggar prinsip dasar agama Islam).

Adapun pengertian original di sini ialah sifat bawaan seorang mufassir dalam mentafsirkan al-Quran. Seseorang bebas berjihad dan memilih metode penafsiran yang ia sukai; asli pilihannya sebagai mufassir yang berkemampuan. Sedangkan sifat kritis dalam penafsiran menunjukkan bahawa seorang mufassir memilih metode dan sudut pandang pentafsirannya secara bebas, tidak terikat oleh peraturan tertentu dan demi mewujudkan kemaslahatan umum yang lebih baik.

Hal ini dipraktikkan langsung oleh Ibnu 'Ashur dalam kehidupannya yang penuh nuansa ilmiah. Dalam hal akidah, tidak diragukan lagi, bahawa secara garis besar, Ibnu 'Ashur mengikuti mazhab Ash'ariyyah di bidang akidah. Hal ini terlihat jelas dari dua faktor, pertama, dari pernyataan peribadi beliau sendiri, kedua, dari sokongan kuat beliau kepada pemikir-pemikiran mazhab Ash'ariyyah (al-Qarni 1427H).

Akan tetapi, walaupun beliau terang-terangan mengakui dan menyokong aliran pemikiran Ash'ariyyah di bidang akidah, tidak berarti beliau menutup pintu kritis terhadap mazhab tersebut. Beliau tidak segal-segan berbeza corak pandang bahkan pendapat dan membalik sokongan kepada pendapat aliran Salaf atau aliran Mukhtazilah.

Bagi beliau, kebenaran tidak mesti berpihak di satu aliran tertentu, pandangan beliau adalah kebenaran, bukan aliran. Ibnu 'Ashur menjadikan aliran atau mazhab hanya sebagai sarana untuk mencapai tujuan (kebenaran), bukan menjadikan aliran sebagai tujuan yang mesti dianggap benar.

Adapun dalam masalah fiqh, Ibnu 'Ashur lebih memilih mazhab Maliki, kerana memang beliau hidup

di dalam persekitaran keluarga yang bermazhab Maliki. Kitab matan pertama yang beliau hafaz di luar kepala sebelum belajar di Masjid Agung Zaitunah adalah matan Ibnu ‘Ashur; sebuah kitab matan di bidang fiqh mazhab Maliki.

Beliau juga banyak mengajar fiqh Maliki kepada para ulama besar di seantero wilayah Tunisia sehingga beliau benar-benar menjadi ahli fikih dan dinobatkan menjadi Mufti Mazhab Maliki pada tahun 1924. Seterusnya beliau menjadi Ketua Dewan Syura Mazhab Maliki tahun 1927, dan akhirnya dinobatkan menjadi Shaykh al-Islam Mazhab Maliki pada tahun 1932 (al-Zirikli 2002).

Walaupun dengan segala gelaran-gelaran yang diberikan, sedikitpun tidak membuat beliau menjadi fanatik mazhab. Bahkan dalam realitinya, beliau banyak merujuk semua pendapat mazhab di luar mazhab asalnya. Sekali lagi, beliau tidak segal-segan mengkritik pendapat mazhab Maliki dan mendukung pendapat mazhab lain, selama pendapat tersebut sesuai dengan tuntutan dan tujuan dalil; al-Quran dan Sunah. Kerana itu, beliau termasuk pembesar ahli ijtihad dalam urusan fatwa yang menjadi perhatian setiap ulama sampai saat ini.

Ibnu ‘Ashur meninggal dunia, pada hari Ahad, tanggal 13 Rejab 1393 H/ 12 Ogos 1973, dengan usia mendekati 97 tahun. Beliau sepanjang hidupnya menyibukkan diri dalam hal kebaikan dan memberi manfaat kepada orang banyak. Keluasan ilmu dan wawasannya diabadikan dalam tulisan dan karya-karyanya. Semoga Sang Pencerah lainnya kembali muncul, mencerahkan pemikiran umat Islam, dan memurnikan ajaran Islam yang lebih sesuai dengan konteks zaman terkini.

6. Kesimpulan

Imam Besar Sheikh Ibnu ‘Ashur adalah ahli tafsir al-Quran dengan wawasan keIslaman yang sangat luas. Beliau adalah seorang ulama yang memiliki kemampuan dan keinginan yang kuat dalam memecahkan isu-isu kehidupan melalui kajian al-Quran. Dalam menjelaskan makna dan kandungan ayat al-Quran, Ibnu ‘Ashur mengkajinya dari berbagai aspek. Corak dan metodenya pun beraneka ragam, sehingga semakin menambah materi pembahasan yang komprehensif, unik, dan berkualiti.

Dalam kitab tafsirnya *al-Tahrir wa al-Tanwir*, beliau banyak menyumbangkan idea-idea besar demi kemajuan umat Islam. Beliau terkenal sebagai “Sang Pencerah” kerana menanamkan kecerdasan berfikir, daya nalar yang kritis dan toleransi yang “tinggi”. Dapat dikatakan bahawa nilai-nilai besar yang terkandung di dalam kajian tafsir Ibnu ‘Ashur ini sangat dibutuhkan oleh setiap orang, demi memperkaya wawasan keIslaman yang lebih luas. Demikianlah pribadi seorang tokoh iaitu Ibnu ‘Ashur, tokoh hebat yang penuh karisma. Beliau menghabiskan waktunya dalam berkhidmat untuk kemaslahatan kaum muslimin, dan mencerahkan akal sehat menuju dunia Islam yang sesungguhnya. Jerih payah beliau yang tak terkira, akan selalu dikenang sepanjang masa.

Tafsir ini mempunyai sumbangan besar dan memiliki hubung kait yang kuat terhadap tokoh mufassir Indonesia iaitu M. Quraysh Shihab, kerana menurut hemat penulis antara Ibnu ‘Ashur dan Quraysh Shihab sama-sama memiliki semangat rasionaliti, namun tentunya kehati-hatian adalah satu hal yang sangat penting dan utama supaya tidak tersalah dalam menterjemahkan pemikiran Ibnu ‘Ashur sebagaimana dalam persoalan jilbab yang telah penulis bahas. Akhirnya perlu kita renungi bersama pernyataan Naquib al-Attas berikut ini:

“Tafsir menurutnya harus kukuh dan tidak boleh salah. Hal ini dimungkinkan oleh lingkup pembahasan tafsir yang hanya berkaitan dengan ayat-ayat *muhkamat* (jelas) yang penafsirannya mesti disandarkan pada ayat-ayat muhkamat lainnya dan hadith-hadith Nabi. Dengan pandangan seperti ini, al-Attas melihat bahawa karya-karya tafsir yang muncul sejak dua abad belakangan ini sebenarnya

banyak yang tidak layak disebut sebagai tafsir kerana karya-karya tersebut tidak menerapkan cara-cara atau prosedur penafsiran diatas” (Afrizal Nur 2012).

Rujukan

- Afrizal Nur. 2013. *Kajian analitikal terhadap pengaruh negatif dalam Tafsir al-Mishbah*. Disertasi Doktorat, FPI, UKM Malaysia.
- Afrizal Nur. 2015. *Khazanah dan Kewibawaan Tafsir bi al-Ma'thur*. Pekanbaru: Penerbit Asa Riau.
- al-Bukhari 1411H. *Sahih Bukhari* (tahkik oleh Muhammad Zuhair). Syria: Dar Thauq al-Najah.
- al-Ghali, Balqasim. 1996. *Syaikhu al-Jami' al-A'zam Muhammad al-Thahir ibnu 'Ashur Hayatuhu wa Atharuhu*. Beirut: Dar Ibnu Hazm.
- Al-Husaini, Ali al-Rida. 1351H. *Maqalat al-Imam Muhammad al-Thahir ibnu 'Ashur*. Tunisia: Majallah al-Hidayah al-Islamiyyah.
- Ibnu 'Ashur, Muhammad al-Tahir.1984. *al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunis: al-Dar Tunisiyyah.
- Ibnu 'Ashur, Muhammad al-Tahir. 2004. *Maqasid al-Syari'ah* (ditahkik oleh: Ibnu al-Khaujah). Qatar: Wizarah Syu'un Diniyah.
- al-Qarni, Muhammad bin Sa'ad. 1427 H. *al-Imam Muhammad al-Thahir ibnu 'Ashur wa Manhajuhu fi Taujihi al-Qira'at min Khilal Tafsirihi al-Tahrir wa al-Tanwir*. Saudi Arabia: Ummul Qura University.
- Shihab, M. Quraysh. 2002. *Tafsir al-Mishbah*. Jakarta: Lentera Hati.
- al-Zahrani, Musyrif bin Ahmad. 1427H. *Atharu al-Dilalat al-Lughawiyah fi al-Tafsir 'Inda al-Thahir ibni 'Ashur fi Kitabih al-Tahrir wa al-Tanwir*. Saudi Arabia, Ummul Qura University.
- al-Zirikli, Khairuddin. 2002. *al-A'lam Qamus Tarajum li Asyhari al-Rijal wa al-Nisa min al-'Arab wa al-Musta'ribin wa al-Mustasyriqin*. Beirut: Dar al-'Ilmi li al-Malayin.